

NOTA AMALAN NO. 1/2018

LAYANAN CUKAI PENGIKLANAN DIGITAL DISEDIAKAN OLEH BUKAN PEMASTAUTIN

- 1.0 Nota ini dikeluarkan sebagai panduan berhubung cukai pegangan ke atas pendapatan pengiklanan digital yang disediakan oleh bukan pemastautin.
- 2.0 Layanan cukai berhubung bayaran pengiklanan digital kepada bukan pemastautin adalah bergantung kepada fakta setiap kes di mana -
 - 2.1 Bukan pemastautin tidak mempunyai establismen tetap (di mana suatu Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali adalah berkaitan) atau di mana wujud perniagaan di Malaysia, bayaran tertakluk kepada cukai pegangan di bawah -
 - a) Seksyen 109 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta ini), sekiranya bayaran yang diterima adalah pendapatan royalti di bawah Akta ini; atau
 - b) Seksyen 109B Akta ini, sekiranya pendapatan yang diterima adalah pendapatan yang termasuk di bawah skop perenggan 4A(ii), Akta ini;
 - 2.2 Jika bukan pemastautin mempunyai establismen tetap atau wujud perniagaan di Malaysia, bayaran diterima merupakan pendapatan perniagaan yang terbit dari Malaysia dan akan dicukai di bawah perenggan 4(a) Akta ini.
- 3.0 Ciri utama yang menentukan sama ada cukai pegangan di bawah seksyen 109 atau 109B, Akta ini terpakai adalah seperti berikut-
 - 3.1 Tertakluk kepada seksyen 109 Akta ini, sekiranya ia adalah pembelian atau penggunaan (contohnya) applikasi (*Apps*) oleh pembayar yang membenarkan pembayar membuat / mereka kempen pengiklanan sendiri; atau
 - 3.2 Tertakluk kepada seksyen 109B Akta ini, sekiranya ianya tidak melibatkan pembelian atau penggunaan *Apps*, tetapi semata-mata penyediaan perkhidmatan oleh bukan pemastautin. Dalam kes ini, pembayar bergantung sepenuhnya kepada penyedia perkhidmatan untuk mengurus semua aspek berkaitan pengiklanan digital.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 16 MAC 2018